

Kapal MV Polaris tingkatkan operasi bantuan kecemasan di laut

KLANG - Perkhidmatan bantuan kecemasan dapat dipertingkatkan di sepanjang perairan negara apabila Jabatan Laut Malaysia (JLM) menerima aset terbaharunya iaitu sebuah kapal penyelenggaraan alat bantuan pelayaran pelbagai fungsi, MV Polaris.

Kapal bernilai RM92 juta yang dibina oleh Muhibbah Marine Engineering Bhd. itu diserahkan kepada JLM pada 31 Ogos lepas, bagi memperkemas kerja-kerja di perairan negara laut termasuk penundaan kapal dan bantuan kecemasan.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Chua Kok Ching berkata, kehadiran MV Polaris menjadi bukti kepada negara-negara persisir dan dunia bahawa Malaysia sentiasa komited untuk memastikan keselamatan pelayaran terutamanya di Selat Melaka.

"Dengan aset terbaharu ini, kerajaan berharap JLM dapat memberikan perkhidmatan bantuan kecemasan seperti penundaan dan memadam kebakaran dengan cemerlang kepada semua kapal yang menggunakan perairan negara," katanya ketika berucap melancarkan kapal MV Polaris di Jeti Institut Latihan Pengangkutan Laut di Pulau Indah di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah JLM, Datuk Baharin Abdul Hamid berkata, MV Polaris merupakan kapal kelima dalam kelasnya dan mampu berada di laut selama 35 hari tanpa ulang bekal.

Katanya, kapal tersebut sudah bersedia untuk memulakan operasi penyelenggaraan perlamanya dari Selat Melaka hingga ke Laut China Selatan. "Kapal ini turut dilengkapi dengan mat tunda yang mampu menarik beban sehingga 60 tan.

MV Polaris mempunyai kelajuan kira-kira 15 knot dan berukuran 85 meter panjang serta 16.2 meter lebar," katanya.

SUMBER : KOSMO | M/S: 18 | 13 SEPTEMBER 2017